

KUALA LUMPUR, 7 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PROJEK UREA MALAYSIA DI BINTULU AKAN MENGELUARKAN HASIL DALAM TAHUN 1983.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN TELAH MENERIMA DENGAN MELAKUKAN SEDIKIT PINDAAN PROJEK BERTERANGA AS\$230 JUTA ITU, YANG MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA LIMA PROJEK INDUSTRI ASEAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TELAH BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARI JAKARTA SETELAH MENGHADIRI SIDANG PARA MENTERI EKONOMI ASEAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PROJEK UREA INDONESIA DI ACHEH TELAH JUGA DITERIMA OLEH MESYUARAT TERSEBUT.

FILIPINA DENGAN PROJEK SUPERFOSPATNYA DAN NEGERI THAI DENGAN PROJEK SODA ASH, SEDANG MENJALANKAN KAJIAN AWAL TERHADAP PROJEK-PROJEK ITU KERANA BELUM DAPAT DIPASTIKAN LAGI TENTANG KEUNTUNGANNYA.

KATANYA SINGAPURA MASIH LAGI BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN TERHADAP PROJEK KILANG DIESEL MELEBIHI 200 CC.

MENURUT DR. MAHATHIR PINDAAN KECIL YANG DIBUAT TERHADAP PROJEK UREA MALAYSIA ITU TALAH PENGELUARAN AMONIA AKAN DIKURANGKAN KEPADA 1000 TAN DARI 1300 TAN SEHARI UNTUK MENGHASILKAN 1500 TAN UREA SEHARI. -- BERSAMBUNG 1900/AI

EE

B5711

BELIAU BERKATA RANCANGAN ASAL MENGELUARKAN AMONIA YANG BERLEBIHAN UNTUK DIJUAL KEPADA SEBUAH SYARIKAT TEMPATAN DARI PENGELUARAN BAJA FOSFAT ADALAH TIDAK MENURUT GARIS-PANDUAN ASEAN DAN ITULAH SEBABNYA DIBUAT PINDAAN TERSEBUT.

KELULUSAN PROJEK UREA MALAYSIA OLEH NEGARA-NEGARA ASEAN ADALAH JUGA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KERAJAAN JEPUN -- PEMBIAYA UTAMA PROJEK ITU -- DAN SEKARANG TERPULANGLAH KEPADA EMPAT ANGGOTA ASEAN YANG LAIN MELANTIK AGENSI MASING-MASING GUNA MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PROJEK TERSEBUT BERSAMA DENGAN PETRONAS.

PETRONAS TALAH AGEN MALAYSIA BAGI PROJEK TERSEBUT.

KATANYA, KOS PROJEK ITU TIDAK TERMASUK KOS KEMUDAHAN ASAS SEPERTI HALNYA DENGAN UREA INDONESIA DI ACHEH, KECUALI PROJEK-PROJEK YANG BERKAITAN.

OLEH ITU, KILANG UREA DI BINTULU AKAN MEMPUNYAI MODAL DAN KOS MENGENAL YANG RENDAH BILA DIBANDINGKAN DENGAN PROJEK ACHEH, KECUALI KOS CECAIR ASLI. TETAPI PADA KESELURUHANNYA, IA MERUPAKAN SATU PROJEK YANG DAPAT MEMBERI PERSAINGAN HEBAT DI PASARAN DUNIA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA SIDANG TERSEBUT MENJANGKA BAHAWA PENGELUARAN UREA AKAN MELEBIHI KEPERLUAN ASEAN TETAPI SIDANG BERSETUJU YANG MALAYSIA DAN INDONESIA BOLEH MENJUAL LEBIHAN BAJA UREA DI LUAR RANTAU INI MENGIKUT HARGA PASARAN DUNIA. -- BERSAMBUNG

MAHATHIR - ASEAN 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENYERTAAN PELABURAN SINGAPURA DALAM EMPAT LAGI PROJEK INDUSTRI ASEAN SEKIRANYA MEREKA MENOLAK PROJEK KILANG DIESEL, BELIAU BERKATA SIDANG BERSETUJU BAHAWA SINGAPURA SEKURANG-KURANGNYA AKAN MEMBUAT PELABURAN NOMINA DALAM EMPAT PROJEK YANG LAIN.

APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PELABURAN NOMINA IALAH PERKONGSIAN SATU PERATUS DAN BUKANNYA 10 PERATUS SEPERTI YANG DITENTUKAN.

MENGENAI PERATURAN KEISTIMEWAAN PERDAGANGAN, DR. MAHATHIR BERKATA SIDANG ITU JUGA MELULUSKAN 755 BARANGAN TAMBAHAN, MENJADIKAN JUMLAHNYA KEPADA 826.

SIDANG JUGA BERSETUJU SETIAP NEGARA ANGGOTA MENGEMUKAKAN 100 JENIS BARANGAN LAGI DI MESYUARAT AKAN DATANG. TETAPI JENIS-JENIS BARANGAN AKAN MENJADI LEBIH DARIPADA 100 APABILA PROSES PENYERANGAN PENANDAAN BARANGAN DIKUATKUASAKAN.

MENGENAI DIALOG ASEAN DENGAN NEGARA-NEGARA KETIGA, DR. MAHATHIR BERKATA MENTERI-MENTERI EKONOMI BERSETUJU MENÉRUSKAN PERBINCANGAN MEREKA DENGAN NEGARA-NEGARA TERSEBUT WALAUPUN RUNDINGAN DENGAN JEPUN, AUSTRALIA, KESATUAN EKONOMI EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT TIDAK BEGITU BERHASIL. --BERSAMBUNG 1915/MD

££

B573

MAHATHIR - ASEAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA ASEAN MERUPAKAN SEBUAH PERTUBUHAN SERANTAU YANG AGAK BARU DAN DENGAN YANG DEMIKIAN MASIH ADA NEGARA-NEGARA YANG TIDAK MEMANDANG BEGITU SERIUS TERHADAP ASEAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA BARU-BARU INI TERDAPAT SATU PERUBAHAN SIKAP OLEH SETENGAH NEGARA-NEGARA TERSEBUT YANG MENYEDARI KESUNGGUHAN NEGARA-NEGARA ASEAN SEBAGAI SATU PERTUBUHAN SERANTAU.

MENGENAI CONCORDE, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN RUNDINGAN MALAYSIA UNTUK Mendapatkan PERJANJIAN PERKHIDMATAN UDARA YANG LEBIH BAIK DENGAN BRITAIN DAN PENGHARAMAN PENERBANGAN CONCORDE DI RUANG ANGKASA MALAYSIA ADALAH MERUPAKAN DUA ISU YANG BERASINGAN.

KATANYA, WALAUPUN BRITAIN BERSETUJU MEMINDA PERJANJIAN ITU ATAS PERMINTAAN MALAYSIA, KERAJAAN MASIH LAGI MENGHARAMKAN PENERBANGAN CONCORDE DI RUANG ANGKASANYA SEKIRANYA IA TIDAK PUASHATI DENGAN KESAN ALAM SEKITAR YANG DIAKIBATKAN DARI PENERBANGAN CONCORDE. --BERSAMBUNG 1921/MD

££

B574

MAHATHIR - ASEAN 5 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU DI JAKARTA, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIUCAPKAN SELAMAT JALAN DI LAPANGAN TERBANG OLEH MENTERI PENYELARASAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERINDUSTRIAN, PROF. WIDJOJO NITISASTRO.

PAGI TADI TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH MENGUNJUNGI NAIB PRESIDEN INDONESIA, TUN ADAM MALIK. --BERNAMA 1924/MD